

ULASAN BUKU

Wanita Dalam Media: Dokumentasi Penting Wartawan Wanita

Mohd Saleeh Rahamad

PENGENALAN

Jika maklumat tentang pembabitan wanita dalam bidang kewartawanan diperlukan segera, tiada pilihan yang lebih tepat selain buku *Wanita Dalam Media* (1996) terbitan Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA). Buku setebal 176 halaman ini bukan sahaja mewah dengan gambar berwarna penyeri tatapan, malah yang penting ia padat dengan maklumat lama dan baru.

Di dalamnya (Bab 1: Sejarah Pertama dan Detik Penubuhan) tersingkap sejarah penubuhan Pertama yang pertama kali diterajui oleh Puan Azah Aziz pada 12 Januari 1971. Cadangan menamakan persatuan dengan "Persatuan Wartawati Malaysia" tidak diterima oleh kejanggalan bunyinya sebelum nama Persatuan Wartawan Wanita Malaysia disetujui. Kira-kira 70 wartawan wanita menghadiri majlis meraikan penubuhannya dan jumlah ini tentulah dikira besar kerana ketika itu wartawan wanita hanya berjumlah kira-kira 100 orang. Kecilnya jumlah mereka adalah antara tumpuan sebab Pertama ditubuhkan. Pertama berhasrat menggalakkan lebih ramai wanita menceburi bidang kewartawanan dan seterusnya diberi peluang memegang jawatan penting dalam organisasi media.

Dalam perlembagaan Pertama dinyatakan tujuan penubuhannya: menyatukan semua wartawan wanita dan memajukan kepentingan-kepentingan profesional, intelektual, dan

sosial ahli-ahlinya; mempertahankan kewibawaan dan kebebasan akhbar, dan memelihara etika kewartawanan; menyokong ideal dan konsep kebebasan akhbar; dan berusaha memperbaiki taraf kedudukan kaum wanita Malaysia, umumnya melalui tugas ahli dalam bidang media massa.

Bab 2: Bekas Ketua-Ketua 1 Pertama pula memaparkan latar belakang Azah Aziz, Rahmah Othman, Siti Bidayah, dan Hani Layali. Himpunan yang cukup penting di dalam buku ini ialah paparan kegigihan wartawan wanita generasi pertama menempatkan diri dalam profesyen serba lasak ini (Bab 3: Analisis Penulisan Wartawan Wanita Malaysia). Nama-nama seperti Ibu Zain Sulaiman (yang melahirkan dua anak perempuan yang terkenal dalam bidang penulisan: Adibah Amin dan Fadzilah Amin), Fatimah Asraf, Zahrah Za'ba, Aishah Ghani, Hamidah Hassan, Rashidah Ismail, Siti Hawa Zain, Wong Kim Pok, Zaleha Ismail, Salmi Manja, Nurlidar Saidi, dan Noor Hashimah Ismail diketengahkan dengan rampaian keberanian dan kecekalan mereka menempatkan wartawan wanita sebaris dengan wartawan lelaki yang dapat membincangkan persoalan lebih serius dan bermanfaat bagi masyarakat dan negara.

Kita dikhabarkan tentang kegigihan Ibu Zain Sulaiman, Zahrah Za'ba, Azizah Ja'afar, dan Azah Aziz membasmi buta huruf dan meningkatkan pengetahuan tentang kemahiran sains rumah tangga, menekankan kepentingan pelajaran dan kerjaya dan sebagainya di kalangan kaum wanita. Wong Kim Pok, seawal 1950-an lagi telah menaiki helikopter untuk membuat liputan pada zaman darurat, penubuhan Malaysia, pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-3, dan perasmian Bangunan Parlimen.

Dapatan kajian empirikal tentang penglibatan wartawan wanita masa kini juga didedahkan (Bab 4: Tinjauan Penglibatan Pencapaian dan Prospek Wartawan Wanita Malaysia Hari Ini) dengan data-data yang teruji. Antara dapatan yang menarik adalah tentang layanan majikan terhadap wartawan wanita. Sebanyak 63.5 peratus menyatakan majikan berlaku adil dalam soal pemberian tugas, 71.2 peratus dalam pembayaran gaji atau elaun, 51.9 peratus dalam pertimbangan untuk kenaikan pangkat, 61.5 peratus dalam penawaran peluang latihan biasiswa, 63.5 peratus dalam pemberian tugas luar negara; namun hanya 23.1 peratus diberi peluang latihan. Antara latihan lanjutan yang diberikan ialah Kursus Kewartawanan Diplomatik dan Luar Negara di Institut Akhbar Malaysia di Kuala Lumpur, Rancangan Latihan Wartawan ASEAN-COCI di Jakarta, Rancangan Latihan Wartawan Wanita Senior anjuran AMIC di Singapura, Kursus Kewartawanan University of Michigan di Amerika Syarikat.

Profil 13 tokoh watawan wanita generasi pertama yang didahului oleh Ibu Zain dapat diikuti dalam Bab 5. Dalam bab ini diperkenalkan siapakah Fatimah Asraf (isteri Pak Asraf), Zahrah Za'ba (Puteri Za'ba), Rashidah Ismail, Hamidah Hassan (isteri A. Samad Ismail), Siti Hawa Zain, Aishah Ghani (bekas menteri), Wong Kim Pok, Zaleha Ismail (kini menteri), Salmi Manja (juga seorang novelis, isteri A. Samad Said), Nurlidar Saidi, Noor Hashimah Ismail, dan Violet Coomarasamy. Pendedahan ini mungkin dianggap maklumat baru oleh sesetengah pihak kerana beberapa nama tersebut hanya terkenal dalam bidang politik.

Wartawan generasi kedua pula dibarisi beberapa nama yang masih aktif hingga kini dengan pencapaian masing-masing sudah melewati zaman mencari identiti. Nama-nama seperti Adibah Amin, Bahyah Mahmood, Yong Rafidah, Ashidah Minin, Zaharah Nawawi misalnya, yang terungkap dalam Bab 6 sudah terkenal dan mempunyai kedudukan yang baik dalam bidang media massa.

Keprihatinan penyusun buku tentang wartawan generasi ketiga atau yang sedang mencipta nama dan mencari kedudukan dalam peta kewartawanan Malaysia diperlihatkan dengan penampilan biodata mereka. Pembaca diperkenalkan kepada Ng Poh Tip, Hardev Kaur, Sarimah Husin, Sri Diah, Saodah Ismail, Faridah Sani, Tajaiyah Ihsan dan lain-lain, dalam Bab 7: Pengarang Wanita Kini. Demikian juga pencapaian luar biasa wartawan wanita dalam bidang perniagaan mendapat perhatian dalam Bab 8: Wartawan Wanita Dalam Bidang Perniagaan. Dengan tidak langsung dihebahkan bahawa pendakian tangga kemasyhuran dan kemandapan dalam bidang kewartawanan turut membuahkan kejayaan dalam bidang ekonomi.

Selain itu, persepsi beberapa tokoh termasuk lelaki mengenai wanita dalam media dimuatkan dalam Bab 9. Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A. Samad Ismail antara lain menyatakan bahawa wartawan wanita kini lebih tabah dan "gutsy", tidak seperti dahulu—wartawan wanita hanya diberi tugas meliputi berita yang "selamat". Dan untuk mengenali lebih ramai wartawan wanita, Bab 10 memuatkan biodata mereka yang dapat dihubungi.

Mencari kesempurnaan sebuah buku bukanlah matlamat yang paling sempurna apabila kita membaca buku. Penerbitan sebuah buku yang pertama biasanya bermatlamat menimbulkan usaha kedua untuk membaikinya; dan akan lahirilah seterusnya buku yang lebih lengkap dan sempurna. Begitu juga dengan buku ini, walaupun tidak semua maklumat dimuatkan, usaha Pertama dengan tenaga penting editorialnya, Noor Bathi Hj. Badaruddin (pensyarah Jabatan Pengajian Media), Siti Maryam Ibrahim, dan pelajar-pelajar Jabatan Pengajian Media memberikan manfaat kepada bidang pendokumentasian yang tiada batasnya. Ini hanya wadah awal untuk penerbitan yang lebih lengkap, kemas kini, dan menghampiri kesempurnaan. Sebagai sebuah direktori wartawan wanita, buku ini bermanfaat kepada pengkaji bidang kewartawanan di negara ini kerana di dalamnya terkandung alamat sumber primer yang boleh dihubungi.